

Headline	Perkenal arang batu campuran di stesen janakuasa di Lumut		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	28
ArticleSize	67 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,887		



#### Kuala Lumpur

## Perkenal arang batu campuran di stesen janakuasa di Lumut

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperkenalkan arang batu campuran di stesen janakuasanya di Lumut, Perak sebagai sebahagian usaha berterusan untuk memastikan bekalan arang batu mampan bagi penjanaan elektrik.

Menurut syarikat itu, pengenalan arang batu campuran di Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah yang menjana 20 peratus sumber elektrik

bagi Semenanjung Malaysia akan membantu mengukuhkan kelestarian pembekalan arang batu di masa depan.

“Ia juga selaras dengan trend semasa dalam kalangan sektor utiliti yang menggunakan arang batu campuran untuk memastikan bekalan bahan bakar itu dapat memenuhi keperluan penjanaan tenaga elektrik,” kata TNB dalam kenyataan di sini, semalam. - BERNAMA